

## KARYA *AL-MUNABBIHĀT ‘ALĀ AL-ISTI’DĀD LI YAWM AL-MA’ĀD*

### 2.0 Pendahuluan

Karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* telah disandarkan penulisannya terhadap Ibn Ḥajar al-’Asqalānī. Seperti karya dan hasil penulisan yang lain, karya ini juga mempunyai metode dan sistematika penulisan karya tersendiri.

Karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* adalah merupakan karya peringatan dan dakwah, iaitu dakwah manusia kepada memperingati hari akhirat dan bersiap siaga untuk menempuhinya. Maka sudah pasti apa yang terkandung di dalamnya mempunyai *uslūb*, manhaj dan metode tertentu dalam erti kata menyampaikan mesej dakwah melalui medium penulisan karya.

### 2.1 Pengenalan Karya

#### 2.1.1 Kepelbagaian Versi Karya


Karya ini mempunyai pelbagai nama dan versi serta terdapat percanggahan pendapat mengenai pengarang sebenar karya ini. Persoalan berkenaan siapakah pengarang sebenar yang bertanggungjawab terhadap karya ini akan diperbahaskan di dalam bahagian yang lain. Pada bahagian ini, perbahasan difokuskan kepada maklumat berkaitan karya ini sahaja. Penulis sendiri memiliki tiga buah karya yang berkaitan.

Karya pertama sebuah manuskrip tulisan tangan yang telah disimpan di dalam format PDF yang telah dimuat turun dari laman sesawang *al-mostafa*<sup>28</sup> yang berjudul *Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Di dalam manuskrip ini, tidak

---

<sup>28</sup> Laman sesawang *al-Moṣṭafā*, dicapai pada 13 Disember 2010, <http://al-mostafa.info/data/arabic/depot3/gap.php?file=m002655.pdf>

dinyatakan secara jelas siapakah penulis karya ini, tetapi hanya menyandarkannya kepada seseorang yang digelar al-Syeikh Zain al-Quḍāt.



Gambar rajah 1: Petikan dari mukadimah manuskrip *Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.<sup>29</sup>

Karya kedua pula merupakan sebuah karya bercetak yang telah dimuat turun juga dari laman sesawang al-mostafa berbentuk format PDF.<sup>30</sup> Judul karya yang dinyatakan di muka depan karya ini ialah *al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Di dalam mukadimah karya ini pula, nama pengarangnya telah dinyatakan dengan jelas. Menurut apa yang terkandung di dalam teks mukadimah ini, karya ini telah dikarang oleh Ibn Ḥajar al-’Asqalānī.

الحمد لله في كل حين وأوقات ، والصلوة على رسوله  
 أشرف الخلق والبريات .  
 هذه منبّهات مما صنفه الشيخ شهاب الملة والحق  
 والدين أحمد بن علي بن محمد بن أحمد ، العسقلاني  
 الأصل ثم المصري الشافعي الشهير بابن الحنجر على  
 الاستعداد ليوم المعاد ؛ فإن منها ما يكون منبّهات ،

Gambar rajah 2: Petikan dari mukadimah karya *al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.<sup>31</sup>

<sup>29</sup> Al-Syeikh Zain al-Quḍāt, *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*, manuskrip (t.t.), 1.

<sup>30</sup> Laman sesawang *al-Mostafā*, dicapai pada 13 Disember 2010, <http://www.al-mostafa.info/data/arabic/depot3/gap.php?file=016652.pdf>.

<sup>31</sup> Ibn Hajar al-’Asqalānī, *al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*, ed.Umar al-Dirawi Abu Hajlah, (Beirut: Muassasah al-Ma’ārif, t.t.), 5.

Sebagai rujukan kepada manuskrip dan karya berformat PDF ini, penulis juga telah mendapatkan sebuah karya ulasan kepada kitab ini yang berjudul *Nasāih al-'Ibād 'Alā al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* yang dikarang oleh Imam Nawawi al-Jāwī al-Bantānī. Ternyata dengan jelas nama Ibn Ḥajar al-'Asqalānī di bahagian hadapan kulit buku tersebut. Judul yang dinyatakan pula adalah *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*. Berdasarkan pemerhatian ke atas butiran yang telah dinyatakan di atas, terdapat dua percanggahan yang telah dikenal pasti, iaitu percanggahan berkaitan judul dan percanggahan berkaitan penulis karya ini.

### 2.1.2 Judul Karya

Untuk meneliti sama ada isi kandungan karya ini bersesuaian dengan judulnya, maka terlebih dahulu judul karya ini harus diperbahaskan.

*Al-Munabbihāt* berasal daripada kata kerja *nabbaha - yunabbihu - tanbīhan* yang bererti mengingatkan atau menyedarkan.<sup>32</sup> Perkataan *al-munabbihāt* adalah merupakan kata nama yang menunjukkan bilangan yang banyak bagi kategori *muannath*. Dari segi bahasa, perkataan *al-munabbihāt* yang berasal dari kata akar *al-munabbih* membawa maksud yang memberi amaran, yang menjagakan dan yang memberitahu.<sup>33</sup>

*Al-Isti'dād* adalah merupakan kata terbitan daripada kata nama *ista'adda - yasta'iddu - isti'dādan* yang bererti bersedia atau bersiap.<sup>34</sup> Perkataan *al-isti'dād* dari segi bahasa bererti persediaan.<sup>35</sup>

*Yawm al-ma'ād* adalah merupakan frasa yang terdiri daripada dua suku kata yang setiap satu mempunyai makna tersendiri. Apabila digabungkan kedua-dua perkataan ini,

---

<sup>32</sup> Hj. Ishak bin Hj. Abas, *Qāmūs al-Jadīd*, 218.

<sup>33</sup> Al-Marbawī, *Qamus Idris al-Marbawī*, 2: 297.

<sup>34</sup> Hj. Ishak bin Hj. Abas *Qāmūs al-Jadīd*, 15.

<sup>35</sup> Al-Marbawī, *Qamus Idris al-Marbawī*, 2: 9.

ia membawa kepada satu makna yang lain pula. Perkataan *yawm* bererti hari. Manakala perkataan *al-ma'ād* pula membawa makna tempat kembali atau tempat ambilan.<sup>36</sup> Ia merupakan *ism al-makān* bagi perkataan *'awdan* yang membawa maksud tempat kepulangan atau tempat untuk kembali.

Apabila digabungkan kedua-dua perkataan ini, *yawm al-ma'ād* dari sudut makna bahasanya membawa erti hari menuju tempat kembali atau hari menuju tempat pulang. Dalam bahasa yang lebih mudah untuk difahami, *yawm al-ma'ād* ialah hari dan detik ketika kita akan kembali kepada kepada Allah S.W.T atau hari kepulangan kita ke dunia yang kekal abadi, iaitu hari akhirat. Rangkuman perkataan-perkataan yang menjadi judul karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* membawa erti 'peringatan-peringatan terhadap persediaan untuk hari kembali'.

Penyataan seputar tajuk perbahasan berkenaan isi kandungan karya ini telah dinyatakan oleh pengarang di bahagian mukadimah karya ini. Kata pengarang:

“Inilah peringatan-peringatan terhadap persediaan untuk hari akhirat yang telah dikarang oleh al-Syeikh Syihāb al-Millah Wa al-Ḥaq Wa al-Dīn Aḥmad bin Alī bin Aḥmad bin Muḥammad, berasal dari 'Asqalān kemudian menetap di Mesir dan bermazhab Syāfi'ī. Beliau masyhur dengan panggilan Ibn Ḥajar.”<sup>37</sup>

Karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* ini membincangkan tentang perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh setiap individu muslim sebagai persediaan sendiri menghadapi alam yang kekal abadi. Peringatan-peringatan ini dimuatkan dalam bentuk hadith-hadith Rasulullah S.A.W, *athar* dari para sahabat dan *tābi'en* serta kata-kata yang dinukilkan dari para *ḥukamā'*. Karya ini telah diulas oleh Imam Nawawi al-Jāwī al-Bantānī dengan judul *Nasāih al-'Ibād 'Alā al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*.

<sup>36</sup> Hj. Ishak bin Hj. Abas, *Qāmūs al-Jadīd*, 203.

<sup>37</sup> Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*, 5.

### 2.1.3 Sistematika Penulisan Karya

Karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dimulakan dengan sebuah mukadimah ringkas yang membicarakan tentang judul karya, nama pengarang dan sistematika penulisan serta penyusunan karya ini. Gambar rajah satu dan dua yang telah penulis kemukakan sebelum ini adalah merupakan contoh prakata yang dikemukakan oleh pengarang untuk memberi gambaran awal berkenaan karya ini.

### 2.1.4 Metodologi Penyusunan Bab

Karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* disusun dengan memuatkan hadith Rasulullah S.A.W, *athar* sahabat dan *tābi’en*, kata-kata ahli hikmah serta syair. Kesemua elemen-elemen ini dimuatkan di dalam bab-bab tertentu mengikut kesesuaian bermula dengan bab *thunāī*, bab *thulāthī*, bab *rubā’ī*, bab *khumāsī*, bab *sudāsī*, bab *subā’ī*, bab *thumānī*, bab *tusā’ī*, dan diakhiri dengan bab *’usyārī*. Hal ini telah dinyatakan oleh pengarang di dalam mukadimah karya ini. Kata beliau:

“Sesungguhnya peringatan-peringatan ini terdapat di antaranya berbentuk *muthannā*, ada yang berbentuk *thulāthī* sehingga sempurna sampai sepuluh.”<sup>38</sup>

Sebagaimana kenyataan pengarang di atas, karya ini memuatkan sembilan bab kesemuanya. Setiap bab mengandungi jumlah hadith yang berbeza. Kesemua hadith di dalam karya ini berjumlah sebanyak 51 hadith. Berikut adalah butiran berkaitan bab dan hadith-hadith yang terkandung di dalamnya:

- a) Bab *thunāī* mengandungi sebanyak 4 buah hadith
- b) Bab *thulāthī* mengandungi sebanyak 9 buah Hadith
- c) Bab *rubā’ī* mengandungi sebanyak 9 buah hadith

---

<sup>38</sup> *Ibid.*, 5

- d) Bab *khumāsī* mengandungi sebanyak 7 buah hadith
- e) Bab *sudāsī* mengandungi sebanyak 2 buah hadith
- f) Bab *subā'ī* mengandungi sebanyak 5 buah hadith
- g) Bab *thumānī* mengandungi sebanyak sebuah hadith
- h) Bab *tusā'ī* mengandungi sebanyak sebuah hadith
- i) Bab *'usyārī* mengandungi sebanyak 13 buah hadith

### 2.1.5 Metodologi Pengisian Bab

Setiap bab akan diisi dengan elemen-elemen yang telah disebutkan mengikut hirarki keutamaannya. Ia akan dimulakan dengan petikan teks hadith Rasulullah S.A.W, kemudian diikuti dengan petikan teks *athar* sahabat R.A yang menyokong atau memberi ulasan terhadap teks hadith bab tersebut. Sekiranya terdapat banyak teks *athar* daripada sahabat R.A, maka teks-teks *athar* ini akan disusun mengikut keutamaan sahabat tersebut.

Sebagai contoh, situasi ini boleh diperhatikan di dalam bab *thunāī*. Empat *athar* sahabat R.A yang pertama di ambil dari kata-kata *khulafā' al-rāsyidīn*, lalu *athar* tersebut disusun mengikut keutamaan sahabat tersebut dimulai dengan *athar* daripada Sayyidina Abū Bakar R.A, diikuti dengan *athar* daripada Sayyidina Umar R.A, kemudian disusuli dengan *athar* daripada Sayyidina 'Uthman R.A dan diakhiri dengan *athar* daripada Sayyidina 'Ali R.A.<sup>39</sup>

---

<sup>39</sup> *Ibid.*, 8-10.

Selepas melengkapkan penyenaian *athar* daripada sahabat R.A, pengarang akan menyusulinya dengan petikan teks *athar* daripada *tabi'en* yang turut bersifat menyokong atau memberi ulasan terhadap teks hadith bab tersebut.

Kebiasaannya, huraian terhadap sesebuah hadith bab akan diakhiri dengan kata-kata daripada *hukamā'*. Pengarang menukikan kata-kata yang bersifat menyokong hadith bab ini tanpa menyatakan siapakah yang mengeluarkan kata-kata tersebut serta membiarkannya dalam keadaan *mubham*. Situasi ini boleh dilihat dalam gambar rajah 3 di bawah:

وَعَنْ بَعْضِ الزُّهَّادِ : مَنْ أَذْنَبَ ذَنْبًا وَهُوَ يَضْحَكُ  
فَإِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُهُ النَّارَ وَهُوَ يَبْكِي ، وَمَنْ أَطَاعَ وَهُوَ يَبْكِي  
فَإِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُهُ الْجَنَّةَ وَهُوَ يَضْحَكُ .  
وَعَنْ بَعْضِ الْحُكَمَاءِ : لَا تَحْقِرُوا الذُّنُوبَ الصَّغِيرَ فَإِنَّهَا  
تَنْشَعِبُ مِنْهَا الذُّنُوبُ الْكُبْرَى .

Gambar rajah 3: Petikan dari bab *thunāi*.<sup>40</sup>

Di dalam sesetengah kondisi yang lain, kadangkala elemen yang terakhir yang menjadi elemen penyokong dan pengulas kepada hadith bab adalah elemen syair. Akan tetapi hal ini tidak menjadi satu kebiasaan mahupun satu kemestian bagi pengarang untuk menyenaikannya di setiap akhir ulasannya terhadap hadith bab.

Jadual berikut memaparkan butiran lengkap elemen-elemen yang dimuatkan di dalam karya ini:

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, 12.

BAB	HADĪTH	ATHAR	KATA-KATA ḤUKAMĀ <sup>41</sup>	SYAIR	KATA-KATA QĪL <sup>42</sup>
Bab <i>Thunāī</i>	4	8	3	1	8
Bab <i>Thulāthī</i>	9	31	5	1	5
Bab <i>Rubā'ī</i>	9	17	8	2	1
Bab <i>Khumāsī</i>	7	15	5	1	-
Bab <i>Sudāsī</i>	2	11	1	-	-
Bab <i>Subā'ī</i>	5	4	-	-	-
Bab <i>Thumānī</i>	1	4	-	-	-
Bab <i>Tusā'ī</i>	1	4	-	-	-
Bab <i>'Usyārī</i>	13	12	3	-	2
<b>JUMLAH</b>	<b>51</b>	<b>106</b>	<b>25</b>	<b>5</b>	<b>16</b>

Jadual 1: Taburan elemen karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*

Kesimpulannya, demikian adalah merupakan sistematika penyusunan elemen yang terdapat di dalam karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*. Secara umumnya, elemen-elemen ini disusun mengikut hierarki keutamaannya. Akan tetapi terdapat beberapa situasi di mana pengarang tidak mengikut sistematika ini, bahkan beliau lebih mengutamakan serta mendahulukan penyusunan elemen yang lebih hampir maknanya dan lebih menyokong hadith bab tanpa mengikut hierarki keutamaannya.

Bentuk penulisan dan penyusunan elemen sebegini adalah merupakan kaedah tradisi yang telah diguna pakai oleh ulama-ulama terdahulu, iaitu dengan memberi syarah hadith-hadith *fadhail* dengan hadith-hadith nabi yang lain, diikuti dengan *qawl al-sahābah* dan *qawl al-tābi'en*.<sup>43</sup>

<sup>41</sup> Ḥukamā' merujuk kepada golongan pandai, yang bijaksana, yang mempunyai hikmah dan golongan yang memperhalusi segala pekerjaannya. Lihat al-Marbawī, *Qamus Idris al-Marbawī*, 1: 143.

<sup>42</sup> Qīl – Yuqālu merupakan kata nama *mabnī li al-majhūl* yang membawa maksud dikatakan atau disebutkan. Lihat al-Marbawī, *Qamus Idris al-Marbawī*, 2: 162.

<sup>43</sup> Agus Sutopo, *Sumbangan Nawawi al-Bantani dalam bidang hadith : kajian terhadap kitab Tanqih al-Qawl*, Desertasi Peringkat Ijazah Sarjana, (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008), 89.



## 2.1.6 Metode Penulisan Hadith

Dalam membicarakan berkenaan tentang pengambilan hadith nabi, *athar al-sahābah* dan kata-kata *tābi'en* serta ulama sebagai elemen untuk dimuatkan di dalam karya, kebanyakan ulama mempunyai metode dan gaya yang tersendiri. Ada yang meriwayatkan elemen-elemen tersebut dengan hanya melihat hadith tersebut cukup sekadar ianya menjadi sokongan kepada idea yang ingin ditonjolkan tanpa mengenal pasti sama ada hadith ataupun *athar* tersebut sahih ataupun tidak. Sebahagian ulama yang lain pula ada yang sangat mementingkan kesahihan sumber tersebut dari segi rantaian sanadnya dan matannya, walaupun terpaksa mengetepikan banyak faedah yang boleh diperolehi daripada hadith tersebut, hanya disebabkan ianya bertaraf *ḍa'if*.

Namun, ada pula sebahagian ulama yang lain menjadi golongan pertengahan di antara dua golongan *al-mutasyadidūn*<sup>44</sup> dan *al-mutasahhilūn*<sup>45</sup>, iaitu golongan *al-mu'tadilūn*<sup>46</sup> yang mana mereka menggunakan *athar* yang *maqbul* tanpa mengetepikan faedah-faedah yang boleh diambil daripada hadith *ḍa'if*.

Penulisan hadith atau *athar* menggunakan metode-metode tertentu di dalam sesebuah karya dapat menggambarkan pendirian pengarang karya itu terhadap proses penukilan hadith, sama ada beliau adalah dari kalangan golongan *al-mutasyadidūn*, *al-mutasahhilūn* atau *al-mu'tadilūn*.

---

<sup>44</sup> Menurut Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, golongan *mutasyaddidūn* ialah mereka yang tidak menghukum perawi sebagai *thiqah* melainkan jika perawi tersebut mencapai tahap tertinggi dari sudut keadilan dan ketepatan. Mereka juga tidak menganggap perawi sebagai bersih melainkan setelah dipastikan perawi itu bebas dari sebarang cacat yang merosakkan sifat adil tersebut. Menurut al-Dhahabī, Ibn Maʿīn, Abū Ḥātim dan al-Juzajani termasuk dalam golongan ini. Lihat Al-Dhahabī, *Arba'a Rasā'il Fī Ulūm al-Ḥadīth*, ed. Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, (Beirut: Dār al-Basyāir al-Islāmiyah, 1990), 171.

<sup>45</sup> Menurut al-Dhahabī, golongan *mutasahhilūn* adalah golongan yang bertentangan dengan *mutasyaddidūn*. Menurut beliau, termasuk dalam golongan *mutasahhilūn* ini adalah Abū Īsā al-Tirmidhī, Abū Abdullah al-Ḥākim dan Abū Bakar al-Bayhaqī. Lihat Al-Dhahabī, *Arba'a Rasā'il Fī Ulūm al-Ḥadīth*, 171.

<sup>46</sup> Menurut al-Dhahabī lagi, terdapat segolongan lagi seperti al-Bukhārī, Aḥmad bin Ḥanbal, Abū Zur'ah dan Ibn 'Adiy. Mereka ini adalah golongan yang *mu'tadilūn* dan pertengahan. Lihat Al-Dhahabī, *Arba'a Rasā'il Fī Ulūm al-Ḥadīth*, 171.

Sebahagian pengarang akan menyatakan pada bahagian prakata metode yang digunakan dalam penulisan karya tersebut dan sebahagian pengarang lain tidak menyatakan metode yang digunakannya. Pemberitahuan ini bergantung kepada keadaan dan keperluan. Walau bagaimanapun, kebanyakan ulama yang tidak menyatakan metode yang digunakannya akan tetap konsisten dengan metode yang digunakannya tersebut. Maka secara tidak langsung, pembaca karya tersebut dalam mengetahui metode yang digunakan pengarang karya walaupun beliau tidak pernah menyatakannya.

Untuk mengetahui sama ada pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini tergolong dalam kalangan golongan yang mana, terlebih dahulu metode penyenaian hadith di dalam karya ini dikenal pasti. Para pembaca yang mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan ilmu hadith dapat mengenal pasti apakah jalan yang dilalui oleh pengarang dalam menggunakan hadith sebagai hujah. Malah pembaca juga boleh mengenal pasti pada akhirnya nanti sama ada pengarang termasuk dari kalangan golongan *al-mutasyadidūn*, *al-mutasahhilūn* ataupun *al-mu’tadilūn*. Berikut adalah butiran berkaitan hadith yang diguna pakai di dalam karya:

### **2.1.6.1 Konteks Riwayat**

#### **2.1.6.1.1 Tidak menyebut sanad secara lengkap**

Dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*, pengarang tidak menyebutkan sanad hadith tapi terus disandarkan kepada nabi S.A.W sahaja. Ini berlaku pada kebanyakan tempat. Hanya sebilangan kecil sahaja hadith yang disebutkan sanadnya dalam bentuk yang tidak lengkap dan hanya sekadar menyebut *rāwi al-a’lā*

sahaja. Contoh hadith yang diriwayatkan dengan menyandarkan secara terus boleh kita lihat dalam banyak tempat dan antaranya ialah:

رُويَ عن النبي ﷺ أَنه قال :

« من أصبحَ وهو يشكو ضيقَ المعاشِ فكأنما يشكو ربَّه ؛ ومن أصبحَ لأمورِ الدنيا حزيناً فقد أصبحَ ساخطاً على الله ؛ ومن تواضعَ لغنيٍّ ليغناءُ فقد ذهبَ ثلثا دينه . »

Gambar rajah 4: Petikan dari bab *thulāthi*.<sup>47</sup>

Contoh hadith yang diriwayatkan dengan menyatakan sanadnya tetapi hanya terhenti pada *rāwī al-a'lā* sahaja:

وعن أبي هريرة أنه قال : قال النبي ﷺ :

« ثلاثٌ مُنْجياتٌ ، وثلاثٌ مُهْلِكَاتٌ ، وثلاثٌ دَرَجَاتٌ وثلاثٌ كَفَّاراتٌ ؛ أما المُنْجِيَاتُ فمُخَشِيَةُ اللَّهِ تَعَالَى فِي السِّرِّ وَالْعَلَانِيَةِ ، وَالْقَصْدُ فِي الْفَقْرِ وَالْغِنَى ، وَالْعَدْلُ فِي الرِّضَاءِ وَالْغَضَبِ . أما المِهْلِكَاتُ فَشَحٌّ شَدِيدٌ ، وَهُوَ مُتَّبَعٌ ، وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ . وَأما الدَّرَجَاتُ فإِفْشَاءُ السَّلَامِ ، وَإِطْعَامُ الطَّعَامِ ، وَالصَّلَاةُ بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ . وَأما الكَفَّاراتُ فإِسْبَاغُ الوُضُوءِ فِي السَّبْرَاتِ (١) ، وَنَقْلُ الأَقْدَامِ إِلَى الجَمَاعَاتِ ، وَانْتِظَارُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الصَّلَاةِ . »

Gambar rajah 5: Petikan dari bab *thulāthi*.<sup>48</sup>

<sup>47</sup> Ibn Hajar al-'Asqalāni, *al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*, 16.

<sup>48</sup> *Ibid.*, 20-21.

### **2.1.6.1.2 Tidak menyatakan sumber hadith**

Dalam memetik sesebuah hadith, pengarang tidak pernah menjelaskan sumber ambilan sesebuah hadith. Kesemua hadith tidak dinyatakan sumbernya. Kesemua maklumat berkaitan hadith sama ada nama karya hadith, nama pengarang karya ataupun nama periwayat hadith tidak dinyatakan oleh pengarang karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* ini. Metode tidak menyatakan sumber ambilan hadith ini dilihat sangat konsisten dalam penulisan karya ini.

### **2.1.6.2 Konteks Hukum Riwayat**

#### **2.1.6.2.1 Tidak menyatakan status hadith**

Kesemua hadith yang penulis jumpai di dalam karya ini tidak dinyatakan status hadithnya. Ini bermakna, pengarang sangat konsisten dengan cara penulisan hadith yang beliau kemukakan di dalam karya ini, iaitu menyatakan hadith tanpa menyertakan status hadith tersebut.

### **2.1.6.3 Konteks Matan**

#### **2.1.6.3.1 Menyebutkan hadith dengan sempurna**

Cara penulisan hadith yang dikemukakan oleh pengarang di dalam karya ini ialah beliau menyebutkan hadith secara penuh dan sempurna dari sudut teks hadith tersebut.

Ini boleh ditemui pada kesemua hadith dalam karya ini. Ini bermakna beliau sangat konsisten dengan metode tersebut. Sebagai contoh beliau menyebut:

وروي أنه عليه السلام خرج ذات يومٍ على أصحابه  
فقال : كيف أصبحتم ؟ فقالوا : أصبحنا مؤمنين بالله .  
فقال : وما علامةُ إيمانكم ؟ قالوا : نَصبرُ على البلاء ،  
ونشكرُ على الرِّخاءِ ، ونرضى بالقضاء . فقال عليه السلام :  
«أنتم مؤمنون حقاً وربُّ الكعبة» .

Gambar rajah 6: Petikan dari bab *thulāthī*.<sup>49</sup>

#### 2.1.6.4 Lain-lain

##### 2.1.6.4.1 Penyenaian hadith berdasarkan bab

Pengarang secara konsisten telah menyenaikan hadith-hadith di dalam bab-bab yang telah ditetapkannya. Tiada pelanggaran disiplin yang berlaku dalam memuatkan hadith pada setiap bab yang telah dikhususkan. Metode ini memudahkan pembaca mencari sesebuah hadith serta memahami konteks hadith tersebut melalui sistem penyusunan babnya. Hadith yang menceritakan tentang dua perkara hanya akan terdapat pada bab *thunā'ī* sahaja, tidak pada bab-bab yang lain. Sebagai contoh:

«خصلتان لا شيء أفضل منهما : الإيمَانُ بالله  
والنَّفْعُ للمسلمين . وخصلتان لا شيء أخبثُ منهما :  
الشُّركُ بالله والضرُّ بالمسلمين» .

Gambar rajah 7: Petikan dari bab *thunā'īe*.<sup>50</sup>

<sup>49</sup> *Ibid.*, 27.

### 2.1.7 Keistimewaan Karya

Karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* merupakan sebuah karya dalam genre tazkirah dan peringatan. Peringatan dapat diterima dengan mudah apabila ia dihidangkan dalam bentuk yang mudah. Di dalam karya ini, semua elemen yang dinyatakan adalah dalam bentuk yang sangat ringkas dan mudah difahami.

Setiap elemen, poin dan isi yang cuba disampaikan, dipersembahkan dalam bentuk yang ringkas dan terus kepada makna. Hal ini menjadikan karya ini nipis dan lebih mesra pembaca.

Di samping menukilkan hadith sebagai elemen utama, pengarang juga banyak memuatkan kata-kata hikmah yang boleh diambil pelajaran daripadanya. Kata-kata hikmah ini kebanyakannya tidak disandarkan kepada sesiapa. Mungkin bagi pengarang, beliau lebih mengutamakan faedah yang boleh diambil oleh pembaca daripada kata-kata hikmah tersebut berbanding kewajipan perlu mengetahui siapakah yang mengeluarkan kata-kata tersebut.

Hal yang demikian itu adalah kerana tujuan beliau menulis karya ini adalah untuk memberi peringatan. Jadi, mana-mana kata-kata hikmah atau syair yang boleh diambil pelajaran daripadanya, maka itu lebih utama untuk dimuatkan di dalam karya, walaupun orang yang mengeluarkan kata-kata tersebut tidak dapat dipastikan identitinya.

### 2.1.8 Kelemahan Karya

Kelemahan yang paling utama bagi karya ini adalah soal penyandaran karya ini kepada pengarangnya. Karya ini telah diperselisihkan berkenaan siapakah yang bertanggungjawab menulis karya ini. Adakah karya ini ditulis oleh Ibn Hajar al-

---

<sup>50</sup> *Ibid.*

'Asqalānī sendiri sebagaimana yang diketahui umum atau karya ini ditulis oleh seseorang yang digelar al-Syeikh Zain al-Quḍāt atau seseorang yang lain.

Hal ini sangat meragukan ini telah diperbahaskan di dalam sebuah laman sesawang soal jawab agama<sup>51</sup> yang berada di bawah seliaan Syeikh Muḥammad Ṣāliḥ al-Munajjid.<sup>52</sup> Di dalam laman sesawang ada satu entri yang berjudul: “*apakah pandangan anda berkaitan kitab al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ād?*” Di dalam entri tersebut terdapat satu artikel yang membahaskan satu persoalan utama berkaitan karya ini. Soalan tersebut adalah seperti berikut:

“Saya mempunyai sebuah karya yang berjudul *al-Isti'dād Li Yawm al-Jazā'* karya Syeikh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī yang mengandungi hadith-hadith dan *athar*. Masalahnya ialah hadith-hadith ini tidak diterangkan statusnya sama ada bertaraf *ṣaḥīḥ* ataupun tidak. Adakah anda mempunyai maklumat berkaitan karya ini dan bagaimanakah caranya untuk menguruskannya?”<sup>53</sup>

Kegagalan mengenal pasti siapakah pengarang karya ini telah menjatuhkan kredibiliti karya ini secara langsung. Malah keadaan menjadi lebih buruk apabila ada yang mendakwa bahawa karya ini disandarkan secara palsu kepada Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. Kata Syeikh Masyhūr bin Ḥassan Āli Salmān di dalam karyanya yang berjudul *Kutub Ḥadhar Minhā al-'Ulamā'*:

---

<sup>51</sup> Laman sesawang Soal Jawab Islam ini adalah laman sesawang berkaitan dakwah, sains, pendidikan. Ia bertujuan untuk memberikan pendapat dan jawapan secara saintifik, mapan dan dalam bentuk yang mudah kepada soalan yang berkaitan dengan Islam, sama ada soalan tersebut dari seorang Muslim atau bukan Muslim. Kesemua jawapan yang dikemukakan ini diselua oleh Syeikh Muḥammad Ṣāliḥ a-Munajjid. beliau seorang pensyarah dan penulis karya Islam. Laman sesawang ini mula beroperasi sejak tahun 1996 sehingga kini. Lihat Muhammad Ṣāliḥ al-Munajjid, laman sesawang *Islam Question and Answer*, dicapai 13 Disember 2010, <http://www.islamqa.com/ar/ref/islamqapages/2>.

<sup>52</sup> Beliau ialah Syeikh Muḥammad Ṣāliḥ a-Munajjid. Lahir pada 30/12/1380H. Antara guru beliau ialah Syeikh 'Abd al-'Aziz bin Abdullah bin Baz., Salih bin Syeikh Muhammad. dan Abdullah bin Jibrin Syaikh Abd al-Rahman. Di antara anak muridnya pula Syeikh Saleh bin Fauzan al-Fauzan dan Syeikh Mohammed bin Abdullah Ghunayman. Kini beliau bertugas sebagai Imam dan Khatib di Masjid Jamik Umar Bin Abd al-Aziz di Khabar. Lihat Muhammad Ṣāliḥ al-Munajjid, laman sesawang *Islam Question and Answer*, dicapai 13 Disember 2010, <http://www.islamqa.com/ar/ref/islamqapages/5>.

<sup>53</sup> Lihat Muhammad Ṣāliḥ al-Munajjid, “Apakah pandangan anda berkaitan kitab al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ād”, laman sesawang *Islam Question and Answer*, dicapai 7 Oktober 2009, <http://www.islamqa.com/ar/ref/136932>.

“Sesungguhnya sebahagian pengkaji zaman ini telah memberi peringatan berkaitan apa yang ada di dalam kitab ini. Mereka juga menjelaskan tentang penyandaran ataupun penisbahan karya ini secara dusta kepada al-Hāfiz Ibn Ḥajar al-’Asqalānī.”<sup>54</sup>

Kelemahan kedua ialah berkaitan persembahan karya ini. Pengarang telah mempersembahkan penulisan hadith yang menyukarkan pembaca menyukarkan pembaca mengenal pasti status hadith yang dinukil. Hal yang demikian ini mungkin kerana pengarang berniat untuk meringkaskan penulisannya. Namun, andai kita membandingkan penulisan hadith di dalam karya ini dengan cara penulisan hadith yang sepatutnya berdasarkan kaedah *takhrij al-hadith*, maka kita akan dapati ada beberapa kekurangan dari segi penulisan hadith di dalam karya ini yang masih boleh diperbaiki lagi.

Sebagai contoh, pengarang perlu menyertakan sanad hadith secara sempurna. Sekiranya pengarang tidak mengemukakan rantaian sanad hadith secara sempurna, ia akan menyukarkan para pembaca untuk menilai hadith yang pengarang nyatakan tersebut. Hal yang demikian ini menjadi bertambah sukar apabila pengarang tidak menyatakan status hadith yang beliau nyatakan itu. Hal ini sedikit sebanyak menjejaskan nilai dan keabsahan karya pengarang. Inilah beberapa aspek penting yang dipersoalkan tentang karya ini sebagaimana yang dapat difahami daripada masalah yang dinyatakan di dalam soalan di atas.

Selain daripada masalah di atas, kata-kata hikmah yang terdapat di dalam karya ini disandarkan secara *mubham*. Sesebuah karya dipandang tinggi jika isi kandungannya berkualiti dan disandarkan kepada ilmuwan yang muktabar. Sebaliknya sesebuah karya itu akan dipersoalkan kredibilitinya jika ia menyenaraikan maklumat-maklumat yang disandarkan kepada seseorang yang tidak dapat dikenal pasti identitinya.

---

<sup>54</sup> Syeikh Masyhur bin Hassan Āli Salman, *Kutub Hadhar Minhā al-’Ulamā*, (t.tp., Dār al-Ṣamī’ī, 1995), 330.



### 2.1.9 Rumusan

Penulisan hadith adalah merupakan aset penting kepada perkembangan ilmu hadith secara umumnya dan nilai sesebuah karya secara khususnya. Dalam apa pun bidang dan disiplin ilmu yang ingin diterokai, sama ada ianya dari bidang fiqh, akidah, kerohanian dan sebagainya, jika ia melibatkan hadith nabi, maka hadith tersebut perlulah dipetik dari sumbernya yang asli dengan memuatkan kesemua fakta-fakta dan sokongan-sokongan yang diperlukan bagi menguatkan status hadith tersebut.

Ini penting bagi memudahkan orang awam yang kurang ilmu berkenaan hadith tambahan pula mereka ini golongan yang inginkan segala maklumat itu datang secara segera tanpa perlu mereka bersusah payah. Maka sudah menjadi tanggungjawab para ilmuwan Islam, sekiranya mereka ingin memetik hadith, maka pastikan segala maklumat yang diperlukan seputar disiplin ilmu *takhrīj al-ḥadīth* disertakan bersama.

Setelah diteliti karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dari segenap sudut, terdapat banyak kekurangan yang perlu diperbaiki dan diperjelaskan kepada orang awam. Walau bagaimanapun, persembahan karya ini secara umumnya sangat baik dan banyak memberi faedah. Buktinya, karya ini telah diulas oleh salah seorang ilmuwan ulung Nusantara, iaitu Imam Nawawi al-Jāwī dengan karya ulasannya yang berjudul *Nasāih al-‘Ibād ‘Alā al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.

### 2.2 Penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī

Imam al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī yang merupakan salah seorang tokoh agung dalam dunia ilmu hadith khasnya dan dunia Islam umumnya. Kehebatan Ibn Ḥajar

al-‘Asqalānī terserlah apabila beliau telah menulis banyak karya dalam khazanah perbendaharaan karya Islam. Imam al-Sakhāwī yang merupakan anak murid Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī telah menceritakan di dalam karyanya *al-Jawāhir Wa al-Durar* bahawa Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī telah menghasilkan karya sebanyak 273 buah karya.<sup>55</sup>

Salah sebuah karya yang turut dikatakan milik Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī ialah *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Hal ini telah menjadi tradisi dan telah menjadi masyhur di kalangan umat Islam yang menyandarkan karya ini kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.

Antara karya atau manuskrip yang dijumpai menyandarkan karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī secara jelas adalah seperti berikut:

- a) Karya simpanan penulis dalam format PDF yang berjudul *al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.<sup>56</sup> Karya ini tidak bertarikh. Ia telah diedit oleh Umar Al-Dirāwī Abū Hajlah dan telah dicetak di Beirut oleh percetakan *Muassasah Al-Ma’ārif*. Secara jelas tertulis nama Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di bahagian kulit karya ini.
- b) Karya simpanan penulis dalam format PDF yang berjudul *Priprema za Dan Povratka*.<sup>57</sup> Karya ini telah dialih bahasa ke dalam bahasa penduduk negara Bosnia dan Herzegovina.<sup>58</sup> Judul asal yang tertera pada karya ini ialah *El-*

---

<sup>55</sup> Al-Sakhāwī, *al-Jawāhir Wa al-Durar Fī Turjumah Syeikh al-Islām Ibn Ḥajar*, (Beirut: Dār Ibn Hazm 1999), 660-695.

<sup>56</sup> Laman sesawang *al-Mostafa*, dicapai 13 Disember 2010, <http://www.al-mostafa.info/data/arabic/depot3/gap.php?file=016652.pdf>.

<sup>57</sup> Laman sesawang *Islam house*, dicapai 13 Disember 2010, [http://www.islamhouse.com/d/files/bs/ih\\_books/bs\\_Priprema\\_za\\_Dan\\_Povratka.pdf](http://www.islamhouse.com/d/files/bs/ih_books/bs_Priprema_za_Dan_Povratka.pdf).

<sup>58</sup> Negara Bosnia dan Herzegovina mempunyai tiga jenis bahasa iaitu Bahasa Bosnia, Bahasa Serbia dan Bahasa Kroasia. Bahasa Bosnia (*bosanski jezik*) adalah salah satu dari versi diasistem Slavik Selatan-Tengah, berdasarkan pada dialek Štokavia. Bahasa ini digunakan terutama oleh orang Bosniak di Bosnia dan Herzegovina, kawasan Sandžak (di Serbia dan Montenegro) dan lain-lain tempat. Bahasa Serbia merupakan bahasa dari rumpun Bahasa Slavik, jadi banyak kemiripan dengan bahasa Rusia, apalagi dengan bahasa Serbokroasia yang digunakan di Bosnia-Herzegovina dan Kroasia. Bahasa Serbia juga mirip dengan bahasa Slovenia dan bahasa Makedonia. Bahasa Kroasia (*hrvatski jezik*) pula merupakan sebuah bahasa Slavik Selatan yang digunakan pada umumnya oleh orang-orang Kroasia dan orang Kroasia di Bosnia dan Herzegovina. Bahasa ini merupakan salah satu versi standar diasistem Slavik Tengah-Selatan. Bahasa Kroasia didasarkan dari cara pengucapan dialek Štokavian - dengan bermacam-

*Isti'dād Li Jewmi El-Maed* atau *Isti'dād Li-Yawm al-Mi'ād*. Karya diterbitkan pada tahun 1999. Secara jelas dikulit karya ini tertulis nama Ibn Hadžer el Askalani.

- c) *Al-Isti Dād Li-Yawm al-Ma'ād Li-Ibn Hajar al-'Asqalānī; Taqdīm Wa-Taḥqīq Wa-Ta Līq 'Ādil Abū Al-Ma'Āf*. Kajian ini telah diterbitkan pada tahun 1986 di Kaherah. Penulis telah menemukan maklumat kewujudan kajian ini setelah penulis mencari maklumat berkenaannya di dalam rekod katalog perpustakaan kongres yang berpangkalan di Washington DC, Amerika Syarikat.<sup>59</sup>
- d) Katalog jualan buku di internet oleh Arabic Book Shop ada memaparkan iklan produk karya berjudul *Munabbihāt 'Alā al-Isti'Dād Li-Yawm al-Ma'ād Li-al-Nuṣḥ Wa-al-Widād*. Ia dinisbahkan kepada Ibn Hajar al-'Asqalānī. Karya tersebut merupakan cetakan pertama keluaran *Dār Iqrā' lil-Ṭibā'ah wa-al-Nashr wa-al-Tawzī'*. Karya ini dicetak pada tahun 2003 dan mempunyai bilangan halaman sebanyak 115 halaman.<sup>60</sup>
- e) Karya simpanan penulis dalam bentuk bahan bercetak yang berjudul *Nasāih al-Ibād 'Alā al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* karangan Muhammad Nawawi bin Umar al-Jāwī. Karya ini tidak mempunyai sebarang tarikh terbit atau tarikh cetak. Akan tetapi ia dicetak oleh percetakan al-Haramain yang beroperasi di Singapura, Jeddah dan Indonesia. Karya ini adalah karya ulasan kepada judul asal *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-*

---

macam pengaruh dari dialek Čakavian and dialek Kajkavian - dan ditulis menggunakan abjad Kroasia. Lihat laman sesawang *Wikipedia*, dicapai 13 Disember 2010, [http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Bosnia](http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Bosnia), [http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Serbia](http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Serbia) dan [http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa\\_Kroasia](http://id.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Kroasia).

<sup>59</sup> Laman sesawang *Library of Congress Online Catalog*, dicapai 13 Disember 2010, [http://catalog.loc.gov/cgi-bin/Pwebrecon.cgi?Search\\_Arg=Abū%20al-Ma'āfī,%20'Adil.&Search\\_Code=NAME\\_&CNT=25&PID=S2XsGquwcfg26LJxe8WXMglYoYeDT&BROWSE=1&HC=1&SID=1](http://catalog.loc.gov/cgi-bin/Pwebrecon.cgi?Search_Arg=Abū%20al-Ma'āfī,%20'Adil.&Search_Code=NAME_&CNT=25&PID=S2XsGquwcfg26LJxe8WXMglYoYeDT&BROWSE=1&HC=1&SID=1)

<sup>60</sup> Laman sesawang *Arabic bookshop*, dicapai 14 Disember 2010, <http://www.arabicbookshop.net/main/details.asp?id=135-142>.

*Ma'ād*. Pada kulit karya ulasan ini juga tertera dengan jelas nama Ibn Ḥajar al-'Asqalānī.

- f) Sebuah disertasi yang berjudul *Kajian Hadith Kitab Nasā'ih al-'Ibād* karangan Urwatul Wusqa Tabrani. Disertasi di peringkat ijazah sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia ini telah disiapkan pada tahun 2004. Di dalam disertasi ini, ketika beliau ingin menceritakan tentang pembahagian bab di dalam karya ini, beliau menyatakan bahawa:

“ Dalam membahagikan bab, kitab ini mengikut kepada kitab asalnya iaitu *al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* karangan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī”.<sup>61</sup>

Ini bermakna pengarang menegaskan bahawa karya *al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* adalah karya Ibn Ḥajar al-'Asqalānī.

- g) Menurut Syeikh Masyhūr bin Ḥasan Āli Salmān, karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* telah dicetak semula dengan cetakan baru terbitan Dār al-Tarbiyyah di Iraq. Ia diedit oleh 'Adil Abū al-Mu'aṭī. Ianya dicetak tanpa tarikh dan mempunyai halaman sebanyak 142 halaman dengan tulisan yang besar. Editor meletakkan nama Ibn Ḥajar al-'Asqalānī sebagai pemilik kitab ini di muka hadapan kitab tersebut. Akan tetapi beliau telah meragunya dengan menyatakan keraguan tersebut di bahagian mukadimah kitab tersebut di halaman 9 hingga 11.<sup>62</sup>

- h) Menurut Syeikh Masyhūr bin Ḥasan Āli Salmān lagi, ada tiga lagi karya yang dijumpai oleh beliau yang disandarkan kepada Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. Karya pertama berjudul *Munabbihat*. Ia diterbitkan di India pada tahun 1312H, lebih kurang 95 tahun yang lalu.<sup>63</sup> Bersama karya tersebut turut disertakan terjemahannya di dalam Bahasa Parsi sekitar 96 halaman. Karya kedua juga berjudul *Munabbihat*. Ia diterbitkan di Istanbul pada tahun 1315H, lebih kurang

<sup>61</sup> Urwatul Wusqa Tabrani, *Kajian Hadith Kitab Nasa'ih al-'Ibad*, 16.

<sup>62</sup> Masyhūr bin Hasan Āli Salmān, *Kutub Hadhar Minhā al-'Ulamā*, 327-328.

<sup>63</sup> Pada tahun disertasi ini ditulis, iaitu tahun 1432H, maka karya ini telah berusia lebih kurang 120 tahun.

92 tahun yang lalu.<sup>64</sup> Karya ketiga yang disandarkan kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī berjudul *Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Ia diterbitkan oleh *maktabah al-syarikah*, Kazan pada tahun 1904M, lebih kurang 82 tahun yang lalu.<sup>65</sup> Akan tetapi, pada halaman pertama daripada karya ketiga ini tertulis satu pernyataan berikut: ”Ia dikatakan milik al-Syeikh Syihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Ali al-‘Asqalānī (m.852H), dan ada pendapat lain bahawa karya ini bukan miliknya dan pendapat inilah yang lebih nyata.”<sup>66</sup>

Maklumat-maklumat ini membuktikan bahawa telah menjadi sesuatu yang tidak asing bagi masyarakat umum untuk mengatakan bahawa karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dikarang oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Cuma ada beberapa karya yang dijumpai dalam jumlah yang sedikit yang disandarkan bukan kepada Ḥajar al-‘Asqalānī.

Antara karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* yang tidak disandarkan kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī sebaliknya disandarkan kepada seseorang lain yang bernama al-Syeikh Zain al-Qudāt. Di antara karya tersebut ialah:

- a) Manuskrip simpanan penulis dalam format PDF yang berjudul *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Manuskrip ini tidak bertarikh. Ia dimiliki oleh *Ma’had al-Thaqāfah Wa al-Dirāsah al-Syarqiyyah*<sup>67</sup> yang berpangkalan di Universiti Tokyo, Jepun. Manuskrip ini dimuat turun daripada laman sesawang *al-mostafa.com*.<sup>68</sup> Di dalam

---

<sup>64</sup> Pada tahun desertasi ini ditulis, iaitu tahun 1432H, maka karya ini telah berusia lebih kurang 117 tahun.

<sup>65</sup> Pada tahun desertasi ini ditulis, iaitu tahun 2010M, maka karya ini telah berusia lebih kurang 106 tahun.

<sup>66</sup> Masyhūr bin Hassan Āli Salmān, *Kutub Hadhar Minhā al-‘Ulamā*, 328.

<sup>67</sup> Laman sesawang *Ma’had al-Thaqāfah Wa al-Dirāsah al-Syarqiyyah*, dicapai 13 Disember 2010, <http://ricasdb.ioc.u-tokyo.ac.jp>

<sup>68</sup> Laman sesawang *al-Mostafa*, dicapai 13 Disember 2010, <http://al-mostafa.info/data/arabic/depot3/gap.php?file=m002655.pdf>.

mukadimah manuskrip ini ada tertera dengan jelas nama al-Syeikh Zain al-Quḍāt.<sup>69</sup> Akan tetapi di bahagian akhir manuskrip ini tertulis maklumat daripada maahad ini yang menyandarkan manuskrip tersebut kepada Ibn Hajar al-‘Asqalānī. Maklumat tersebut adalah seperti berikut:

[1019] fol.62v-85r: Ibn Hajar al-‘Asqalānī ( ابن حجر العسقلاني ) : *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ( المنبهات على الاستعداد ليوم المعاد ). *The title is mentioned 62v4 and can be identified by comparison with the Berlin mss. 8505p; 8706/1; 8706/2; 8766/3 and 8706/5. But the mss. show divergences; cf. ms. Berlin 8706/2 and ms. India Office Library (London) 187 which are slightly abridged. For further mss. and the editions see GAL II 69 nr.34 and S II 74 nr.34.; Catalogue of the Mingana Collection of Manuscripts IV = Islamic Arabic Manuscripts, Birmingham 1963, nr.159 and 1029.*<sup>70</sup>

Penyataan jelas sekali bertentangan dengan apa yang terkandung di dalam halaman pertama daripada manuskrip ini yang menyandarkannya kepada al-Syeikh Zain al-Quḍāt.

- b) Haji Khalifah berpendapat bahawa karya ini dengan judulnya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād Li al-Naṣḥi Wa al-Wudād* adalah milik Zain al-Quḍāt Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī. Kata beliau: ”Karya ini mengumpulkan di dalamnya hadith-hadith dan nasihat-nasihat dari satu hingga sepuluh dalam bentuk *muthannā*, *thulātī* dan *rubā’ī*. Karya ini dimulakan dengan *Alḥamdulillāhi Rabb Al-Ālamīn* hingga akhir. Kata beliau: “Inilah peringatan-peringatan sebagai persediaan menuju *yawm al-*

<sup>69</sup> Al-Syeikh Zain al-Quḍāt, *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*, 1.

<sup>70</sup> *Ibid.*, 62.

*ma'ād.*"<sup>71</sup> Ini bermakna beliau mengetahui ada karya ini dan turut mengetahui siapakah yang mengarangnya.

- c) Syeikh Masyhūr juga mempunyai maklumat bahawa terdapat satu manuskrip karya ini yang disandarkan kepada Zain al-Qudhāt Aḥmad bin Muḥammad. Manuskrip ini dijumpai tersimpan di dalam simpanan manuskrip-manuskrip Madrasah al-Ḥasaniyyah di Mosul dengan nombor 27824.<sup>72</sup>

Karya ini juga disandarkan kepada seseorang yang bernama al-Allāmah al-Syeikh Aḥmad bin Muḥammad bin Alī al-Hajrī.

- a) Menurut Syeikh Masyhūr lagi, lima buah manuskrip karya ini turut dijumpai di Dār al-Kutub al-Miṣriyyah. Kesemua manuskrip ini disandarkan kepada al-Allāmah al-Syeikh Aḥmad bin Muḥammad bin Alī al-Hajrī dengan nombor rekodnya 21 *mīm*, 36 *mīm*, 213 *majāmi'*, 360 *majāmi'*, dan 8 *mīm majāmi'*. Akan tetapi menurut beliau, beliau belum berkesempatan untuk meneliti manuskrip-manuskrip tersebut.<sup>73</sup>

Kecelaruan dan pertembungan maklumat ini berkenaan penyandaran karya ini disangkal oleh banyak pihak. Di antaranya ialah Syeikh Masyhūr sendiri dengan karyanya *Kutub Hadhar Minhā al-Ulamā'*, Dr. Syākir Abd al-Mun'im dengan karya beliau *Ibn Ḥajar al-'Asqalānī Musannaḥātuhu Wa Dirasāt Manhajuhu*. Kesemua mereka menyangkal penyandaran karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* kepada Ibn Ḥajar al-'Asqalānī.

---

<sup>71</sup> Allāmah al-Mawlā Mustāfā bin Abdullāh al-Qastantīnī al-Rūmī al-Ḥanafī al-Ma'rūf Bi Hājī Khalīfah, *Kasyf al-Zunūn 'An Asāmī al-Kutub Wa al-Funūn*, Bab al-Nun, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-Arābī, 1941), 2: 454.

<sup>72</sup> Masyhur bin Hassan Āli Salmān, *Kutub Hadhar Minhā al-'Ulamā'*, 329.

<sup>73</sup> *Ibid.*

Menurut Dr. Syākir Abd al-Mun'im, karya ini bukan karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī atas tiga sebab:<sup>74</sup>

- i. Gaya bahasa dan metode yang diguna pakai di dalam karya ini berbeza dengan *manhaj* Ibn Ḥajar sama ada dari aspek penjelasan sanad-sanad, kritikan serta teks hadith, ditambah pula wujud keserabutan dalam karya ini.
- ii. Sumber semasa bagi zaman Ibn Ḥajar atau zaman anak muridnya tidak disebut.
- iii. Tiada nama pengarang tertulis pada kebanyakan manuskrip yang telah beliau teliti.

Bagi memperkuat hujah ini, Syeikh Masyhūr mengemukakan pandangan para pengkaji lain yang turut mengkaji permasalahan ini. Kata beliau:<sup>75</sup>

“Penyangkalan nisbah kitab ini kepada Ibn Hajar turut disokong oleh saudara Jasim al-Dusūqi sebagaimana katanya: “Antara perkara yang perlu diambil perhatian ke atasnya ialah sebuah karya yang berlegar di sekeliling manusia dengan judul *al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* yang disandarkan penulisannya kepada al-Ḥafiz, penyandaran yang palsu kepadanya tanpa ada keraguan. Dan sesiapa yang membacanya dan melihat apa yang ada di dalamnya dari segi hadith-hadith palsu lagi *mawḍū’*, nescaya dia akan mengetahui dengan penuh keyakinan bahawa sesungguhnya al-Ḥafiz bebas daripada penyebaran hadith palsu ini.”

Kata Syeikh Masyhūr lagi, “al-Syeikh Abd al-Rahman Fakhūrī telah menulis satu artikel yang telah diterbitkannya di dalam majalah *al-Jāmi’ah al-Salafiyyah* yang berpangkalan di India ( jilid 10 / bilangan 3, Rabi’ al-Awwal, Tahun 1398H) bertajuk *ammā li hadhihi al-aydī man yaqta’ahā!!*. Beliau telah menjelaskan dengan penjelasan terperinci berkenaan penyandaran palsu karya ini kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.

Permasalahan keraguan penyandaran karya ini cuba dirungkaikan sendiri oleh Syeikh Masyhūr melalui beberapa fakta yang beliau kemukakan. Beliau cuba menelusuri karya-

---

<sup>74</sup> Syākir Maḥmūd ‘Abd al-Mun'im, *Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī Musannaḥātuhu Wa Dirāsāt Fī Manhajih Wa Mawāridih Fī Kitābih al-Iṣābah*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1997), 1: 394-395.

<sup>75</sup> Masyhur bin Hassan Āli Salmān, *Kutub Hadhar Minhā al-‘Ulamā*, 327.



karya *turjumah* yang pernah *menturjumah* personaliti al-‘Asqalānī mahupun karya-karya beliau. Beliau mendapati bahawa kesemua karya yang beliau rujuk itu tidak menyebut judul karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* sebagai salah satu daripada sejumlah karya karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Kata beliau:

Sesungguhnya karya-karya *turjumah* yang menulis tentang personaliti al-‘Asqalānī dan karya-karya beliau, tidak menyebut pun tentang nama karya ini. Nama karya ini juga tidak disebut oleh al-Sakhāwī, seorang anak murid al-‘Asqalānī di dalam karyanya yang berjudul *al-Ḍaw’ al-Lāmī’*. Demikian juga al-Syawkānī di dalam karyanya *al-Badr al-Ṭālī’*, Ismaīl Bāsyā al-Baghdādī di dalam *Hadiyyah al-‘Ārifīn* dan al-Ziriklī di dalam karyanya *al-A’lām*.<sup>76</sup>

Kenyataan Syeikh Masyhūr ini turut disokong oleh artikel yang disiarkan oleh laman sesawang IslamQA.com ketika membahaskan masalah penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Di dalam artikel yang bertajuk “Apakah pandangan anda berkaitan kitab *al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*”, pengendali laman sesawang tersebut menyatakan hasil kajiannya berhubung masalah ini. Kata beliau:

“Selepas mengkaji dan menyemak nama-nama karya yang telah dihasilkan oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī rahimahullah, kami tidak menjumpai sebuah karya miliknya yang berjudul sedemikian. Sesungguhnya karya-karya al-Ḥāfiẓ mencecah jumlah 273<sup>77</sup> buah karya. Nama-nama karya tersebut telah dikumpulkan dan diperkatakan tentangnya oleh al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī di dalam karyanya *al-Jawāhir Wa al-Durar* di halaman 660 hingga halaman 695 dan beliau tidak ada menyebut nama karya ini.”<sup>78</sup>

Penulis sendiri telah meneliti karya *al-Jawāhir Wa al-Durar* ini. Penulis mendapati apa yang didakwa oleh pengkaji dari laman sesawang *IslamQA* itu benar. Penulis tidak

---

<sup>76</sup> *Ibid.*, 328.

<sup>77</sup> Karya Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī yang telah berjaya dijelajahi oleh Dr. Syākir Maḥmūd Abd al-Mun’im adalah sebanyak 282 buah karya. Lihat “muqaddimah” Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Nukhbah al-Fikar Fī Mustalah Ahl al-Athar*, ed. Abd al-Hamīd bin Sālih, (Beirut: Dār Ibn Hazm, 2006), 27.

<sup>78</sup> Laman sesawang Islam Question and Answer, dicapai 7 Oktober 2009, <http://www.islamqa.com/ar/ref/136932>.

menjumpai nama karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ataupun sebarang maklumat yang boleh mengaitkan karya ini dengan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di dalam senarai karya beliau yang telah dihimpunkan oleh al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī di dalam karya *al-Jawāhir Wa al-Durar*.

Daripada perbahasan panjang yang dinyatakan di atas, satu ringkasan perbahasan dapat dibuat. Ringkasan tersebut adalah seperti berikut:

Bagi golongan yang mendakwa bahawa karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* adalah karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, mereka hanya memindahkan maklumat ini dari generasi ke generasi tanpa mengemukakan sebarang dalil yang kukuh bahawa karya ini benar-benar milik Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.

Sebaliknya, golongan yang mengatakan bahawa karya ini bukan karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dan mendakwa ia disandarkan secara palsu kepada beliau telah mengemukakan dalil serta hujah yang sangat kukuh. Hujah-hujah tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Gaya bahasa dan metode yang diguna pakai di dalam karya ini berbeza dengan *manhaj* Ibn Ḥajar dalam semua aspek.
- ii. Tiada sebarang sumber sama ada sumber semasa bagi zaman Ibn Ḥajar atau sumber zaman anak muridnya mengenai karya ini.
- iii. Tiada nama pengarang tertulis pada kebanyakan manuskrip. Kalaupun ada tertulis, terdapat percanggahan nama pengarang antara satu manuskrip dengan satu manuskrip yang lain. Percanggahan sebegini menyebabkan kesahihan penyandaran karya tersebut kepada pengarangnya diragui.
- iv. Wujudnya ramai pengkaji yang mengingkari penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī melalui kajian yang dijalankan oleh mereka sendiri.

- v. Tiada sebarang karya *turjumah* sama ada karya *tujumah* semasa ataupun terkemudian menyandarkan karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibn Ḥajar. Sebaliknya karya *turjumah* seperti *Kasyf al-Zunūn* menyandarkan karya ini bukan kepada Ibn Ḥajar.
- vi. Al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī yang merupakan anak murid Ibn Ḥajar sendiri tidak mengetahui akan kewujudan karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini.

Menjadi sesuatu yang pelik jika ada individu yang mendakwa bahawa *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* adalah karya Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī sedangkan anak murid beliau sendiri tidak memasukkan judul karya ini di dalam senarai karya tulisan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Padahal al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī adalah merupakan anak murid Ibn Ḥajar Al-‘Asqalānī yang paling ulung.<sup>79</sup> Al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī juga merupakan anak murid yang paling hampir kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Buktinya, beliau sendiri mempunyai sebuah karya *turjumah* khusus buat gurunya itu. Para pengkaji yang ingin mengkaji personaliti atau karya Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī pasti akan menjadikan karya al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī yang berjudul *al-Jawāhir Wa al-Durar Fī Turjumah Syeikh al-Islām Ibn Ḥajar* sebagai sumber rujukan utama. Jadi, amatlah sesuatu yang mustahil jika beliau tidak mengetahui kewujudan karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* sekiranya karya ini benar-benar tulisan karya gurunya.

Hasil penelitian penulis terhadap keseluruhan butiran maklumat dan hujah yang dikemukakan, penulis berpandangan bahawa hasil kajian golongan yang menafikan

---

<sup>79</sup> Al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī telah mendengar banyak hadith daripada gurunya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar. Beliau sangat mendampingi gurunya itu. Beliau juga banyak meriwayatkan daripada gurunya apa yang tidak diriwayatkan oleh anak murid yang lain. Beliau juga banyak mengambil dari gurunya karya-karya. Beliau sangat mencintai gurunya, sehingga dalam kebanyakan kata-katanya akan dipetik daripada kata-kata gurunya. Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar sendiri telah mendiskripsikan al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī, sebagaimana kata beliau: ”dia seorang seumpama satu jamaahku.” Lihat Sayyid ‘Abd al-Majid al-Ghawri, *Mu’jam Alfaz al-Jarh Wa al-Ta’dil*, (Damsyik: Dār Ibn Kathīr, 2007), 60-61.

penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī adalah lebih kuat dan lebih berasas berbanding penyandaran tanpa sebarang bukti yang kukuh yang dilakukan oleh golongan yang mendakwa bahawa karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* adalah karya milik Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.

Selepas meneliti kesemua butiran maklumat di atas, penulis turut yakin bahawa penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī adalah palsu dan nama beliau wajib dibersihkan daripada terus dikaitkan dengan karya ini.

Namun, perbahasan ini tidak terhenti di sini, lantaran siapakah individu yang sebenarnya bertanggungjawab menghasilkan karya ini juga perlu diketahui. Adakah penulisnya ialah Zain al-Qudāt seperti yang tertera di dalam naskah manuskrip *Ma’had al-Thaqāfah Wa al-Dirāsah al-Syarqiyyah* atau pengarangnya ialah Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī sebagaimana yang dimaklumkan oleh Haji Khalifah di dalam *Kasyf al-Zunūn* dan yang ada tersimpan dalam simpanan manuskrip-manuskrip Madrasah Al-Ḥasaniyyah atau adakah penulisnya ialah al-Allāmah al-Syeikh Aḥmad bin Muḥammad bin Alī al-Hajrī sebagaimana yang terdapat di dalam simpanan manuskrip di Dār al-Kutub al-Miṣriyyah atau adakah penulis karya ini sebenarnya adalah seseorang yang lain? Persoalan ini perlu dijawab bagi menghilangkan menyelesaikan masalah berkenaan siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab menghasilkan karya ini.

Ketika menggulung perbahasan serta membuat konklusi terhadap kajian masalah penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini, Syeikh Masyhūr ada menyebut nama seseorang yang lain selain daripada nama-nama di atas

dan beliau dengan penuh keyakinan menyandarkan penulisan karya ini kepada individu tersebut. Kata beliau:

*"Tidak syak lagi bahawa penisbahan karya ini kepada Ibn Hajar adalah salah dan perkara ini sebagaimana yang telah kami nyatakan sebentar tadi tentang Ibn Hajar sendiri yang mengatakan bahawa pengarang karya ini adalah Ibrahim bin Muhammad."*<sup>80</sup>

Konklusi ini dilihat sangat pelik kerana sepanjang pemerhatian penulis pada manuskrip dan maklumat-maklumat di atas, tiada nama Ibrahim bin Muhammad dinyatakan. Akan tetapi Syeikh Masyhūr menyatakan sedemikian berdasarkan penemuan terbaru beliau berkenaan maklumat tersebut. Maklumat ini tidak pernah ditemui penulis dari mana-mana sumber kecuali daripada beliau.

Berdasarkan maklumat di atas, berikut adalah senarai nama yang berkemungkinan salah seorang daripada mereka adalah orang yang bertanggungjawab dalam penghasilan karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* ini. Nama-nama tersebut adalah seperti berikut:

- i. Zain al-Quḍāt
- ii. Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī (hidup sebelum tahun 1092H)
- iii. Al-Allāmah al-Syeikh Aḥmad bin Muḥammad bin Alī al-Hajrī
- iv. Ibrahim bin Muhammad (m.722 H)

Sekiranya diperhatikan, sebenarnya Zain al-Quḍāt dan Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī adalah merupakan seorang individu yang sama. Hal ini dapat dilihat dari penyataan Syeikh Masyhūr yang dinukilkan daripada Hājī Khalīfah di dalam *Kasyf al-Zunūn*. Kata beliau:

---

<sup>80</sup> Masyhur bin Hassan Āli Salmān, *Kutub Hadhar Minhā al-'Ulamā*, 330.

Haji Khalifah berpendapat bahawa karya ini dengan judulnya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād Li al-Naṣḥi Wa al-Wudād* adalah milik Zain al-Quḍāt Aḥmad bin Muḥammad Al-Hajjī.<sup>81</sup>

Berkemungkinan juga ketiga-tiga nama, Zain al-Quḍāt, Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī dan al-Allāmah al-Syeikh Aḥmad bin Muḥammad bin Alī al-Hajrī adalah merupakan seorang individu yang sama. Hal yang demikian boleh terjadi sekiranya berlakunya *tahrif* ataupun *tashif* pada nama Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī dan al-Aḥmad bin Muḥammad bin Alī al-Hajrī.

Sekiranya perkara ini yang terjadi, maka pengarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* adalah salah seorang daripada dua individu berikut:

- i. Zain al-Quḍāt Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī atau al-Hajrī (hidup sebelum tahun 1092H)
- ii. Ibrahim bin Muhammad (m.722 H)

Tidak banyak maklumat berkaitan Zain al-Quḍāt Aḥmad bin Muḥammad ditemui. Kesemua maklumat yang ditemui tidak dapat membantu dalam menyabitkan nama beliau secara pasti sebagai pegarang karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Syeikh Masyhūr ketika cuba untuk mengumpulkan maklumat berkaitan nama ini. Kata beliau:

*”Saya telah cuba untuk menturjumah Aḥmad bin Muḥammad al-Hajrī atau Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Hājī Khalīfah di dalam dua karya beliau yang berjudul al-A’lām dan Mu’jam al-Muallifīn. Akan tetapi kedua karya ini tidak memberikan maklumat secara terperinci. Perkara ini menjadi lebih sukar apabila Hājī Khalīfah tidak menyatakan tarikh kematian Aḥmad bin Muḥammad ini. Jika beliau menyebutnya, nescaya kita boleh merujuk karya-karya yang mengemukakan*

---

<sup>81</sup> *Ibid.*, 329.

*turjumah melalui tarikh kematian. Tarikh kematian ini juga tidak disebutkan oleh pengarang karya Hadiyyah al-‘Ārifīn.*”<sup>82</sup>

Oleh kerana kesemua sumber yang dapat memberikan maklumat tidak menyatakan maklumat dengan terperinci sehingga boleh menyabitkan dengan pasti bahawa *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dikarang oleh Zain al-Quḍāt Aḥmad bin Muḥammad al-Hajjī atau al-Hajrī, maka kita tidak boleh secara pasti mengatakan bahawa karya ini adalah merupakan sebuah karya milik beliau, walaupun ada tertera nama beliau sama ada tertulis di dalam manuskrip ataupun dicatat oleh Hājī Khalīfah di dalam *Kasyf al-Zunūn*.

Namun, menurut Syeikh Masyhūr lagi, penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibrahim bin Muḥammad adalah merupakan satu pengakuan daripada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī sendiri. Kata Syeikh Masyhūr:

”*al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* adalah sebuah karya yang dicetak kemudian dinisbahkan secara palsu dan dusta kepada al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Sesungguhnya telah saya jelaskan hal ini pada masa yang lalu di dalam majalah al-Jāmi’ah al-Salafiyyah. Setelah berlalunya suatu tempoh, saya telah berjaya memastikan perkara berikut melalui beberapa bukti dan sokongan. Bukti yang paling kuat dan nyata adalah apa yang dinukilkan oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī sendiri ketika memberikan turjumah Ibrāhīm bin Muḥammad bin al-Muayyid bin Ḥamawiyyah al-Juwainī Ṣadr al-Dīn Abū al-Majāmi’ Ibn Sa’d Al-Dīn Al-Syāfi’ī Al-Ṣūfī ( m.722 H ) daripada kata-kata Imam al-Dhahabī. Katanya : “Beliau laksana pengumpul kayu pada waktu malam. Beliau telah mengumpulkan hadith-hadith berbentuk *thunāiyyāt*, *thulāthiyyāt* dan *rubā’iyyāt* yang palsu dan dusta.”<sup>83</sup>

Walaupun nama Ibrahim bin Muhammad tidak tertera sama ada pada manuskrip karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dan tiada karya-karya *turjumah* yang menyandarkan karya ini kepada beliau, akan tetapi pendapat Syeikh Masyhūr yang menyandarkan karya ini kepada beliau dilihat lebih kuat dan lebih berasas.

---

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*, 326.

Pandangan yang beliau kemukakan ini berdasarkan pengamatan dan kajian yang beliau lakukan. Ini adalah ijtihad beliau. Berkemungkinan sesuatu ijtihad itu benar dan berkemungkinan juga ianya salah.

Penulis telah meneliti maklumat ini. Maklumat ini tertera di dalam karya Ibn Hajar al-‘Asqalānī yang berjudul *al-Durar al-Kāminah Fī A’yān al-Mi’ah al-Thamāniyah*.<sup>84</sup> Penulis merasakan bahawa maklumat ini boleh dijadikan asas penyandaran karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* kepada Ibrahim bin Muhammad walaupun tidak semestinya sangkaan penyandaran ini betul.

Jika merujuk maklumat manuskrip *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* simpanan *King Saud University, Kingdom of Saudi Arabia*, ada tertera tahun manuskrip ini disalin. Menurut maklumat daripada laman sesawang tersebut, mansukrip ini disalin kira-kira pada kurun ke-12H. Manuskrip ini dicatatkan Ahmad bin Muhammad, Zain al-Qudāt sebagai pengarangnya. Akan tetapi, pada judul manuskrip ini dicatatkan Ibn Hajar al-‘Asqalānī sebagai pengarangnya. Tertulis juga pada maklumat ini bahawa Ahmad bin Muhammad hidup pada sebelum tahun 1092H.<sup>85</sup> Menurut al-Zirikli, Ibrahim bin Muhammad lahir pada tahun 644H bersamaan 1246M dan wafat pada tahun 722H bersamaan 1322M.<sup>86</sup> Ini bermakna Ibrahim bin Muhammad telah hidup dan wafat pada tahun sebelum manuskrip ini disalin semula iaitu kurun ke 12H atau pada tahun sebelum 1092H.

Terdapat bukti lain yang boleh menyokong dakwaan Syeikh Masyhūr ini. Bukti ini tidak dinyatakan oleh Syeikh Masyhūr sendiri di dalam *Kutub Hadhar Minhā al-Ulamā’*, akan tetapi ia merupakan andaian penulis sendiri.

---

<sup>84</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *al-Durar al-Kāminah Fī A’yān al-Mi’ah al-Thāminah*, (Beirut: Dar al-Jil, 1993), 1: 67-68.

<sup>85</sup> Laman sesawang *King Saud University*, dicapai 14 disember 2010, [www.makhtota.ksu.edu.sa/makhtota/3579/1](http://www.makhtota.ksu.edu.sa/makhtota/3579/1).

<sup>86</sup> Khair al-Dīn al-Ziriklī (2002), *al-A’lām*, (Beirut: Dar al-‘Ilm Li al-Malāyīn, 2002) 1: 63.



Menurut Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di dalam *al-Durar al-Kāminah* lagi, dan pendapat ini turut dinukilkan oleh Imam al-Zirkilī di dalam karyanya yang berjudul *al-A’lām*, bahawa Ibrahim bin Muhammad telah mengeluarkan sebuah karya berbentuk *tusā’iyyat*.

Kata beliau:

وخرج لنفسه تساعيات..<sup>87</sup>

Maksudnya: "Dan beliau telah mengeluarkan karya (*hadith*) berbentuk sembilan."

Sekiranya diperhatikan, karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* terdiri daripada sembilan bab, iaitu bermula dengan bab *thunāī*, bab *thulāthī*, bab *rubā’ī*, bab *khumāsī*, bab *sudāsī*, bab *subā’ī*, bab *thumānī*, bab *tusā’ī*, dan diakhiri dengan bab *‘usyārī*. Berkemungkinan besar apa yang dimaksudkan oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dengan karya berbentuk *tusā’iyyat* itu adalah karya yang terdiri daripada sembilan bab. Ini adalah sangkaan penulis. Sekiranya sangkaan ini benar, maka pencarian siapakah penulis karya ini sudah semakin hampir ke penghujungnya.

### 2.3 Kesimpulan

Setelah mengharungi perbincangan yang panjang, akhirnya beberapa perkara dapat diselesaikan. Akan tetapi malangnya terdapat juga beberapa perkara yang dilihat tidak begitu kuat dan memerlukan kajian yang lebih terperinci. Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa dengan berlalunya zaman mencecah ratusan tahun, telah wujud sebuah karya berjudul *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* yang disandarkan secara palsu kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Kajian ini telah membongkar kepalsuan penyandaran karya ini kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī walaupun karya ini

---

<sup>87</sup> *Ibid.*

seakan tidak asing disandarkan kepada beliau hasil dari berlegarnya karya ini di serata pelosok dunia selama ratusan tahun.

Pencarian pengarang sebenar karya ini dilihat tidak mencapai matlamatnya. Hal yang demikian ini adalah kerana keterbatasan maklumat. Segala maklumat berkaitan dilihat sangat lemah untuk dijadikan asas penyandaran sesebuah karya kepada seseorang individu. Pada saat kajian ini dilakukan, hanya ini sahaja maklumat yang berjaya ditemukan. Maka, setakat kajian ini ditulis, penulis lebih berlapang dada untuk menyandarkan karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* kepada Ibrāhīm bin Muḥammad bin Al-Muayyid bin Ḥamawiyah al-Juwainī Ṣadr al-Dīn Abū al-Majāmi' Ibn Sa'd al-Dīn al-Syāfi'ī al-Sūfī (m.722 H) walaupun hujah yang dikemukakan tidak mempunyai sandaran yang kukuh.